

20 MAY 2003

Mahathir-Kasino/I

TIDAK ADA LESEN KASINO UNTUK BUKIT TINGGI, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan kononnya kerajaan meluluskan lesen kasino kepada pemaju kawasan peranginan Bukit Tinggi di Pahang.

"Saya tidak tahu siapa panggil dia kasino. Sebenarnya kita bagi lesen untuk 'slot machine' seperti yang diberi kepada kelab-kelab lain," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah projek Lembah Bio Malaysia di Dengkil dekat sini hari ini, beliau berkata lesen yang diberikan itu adalah untuk membantu pemaju membiayai kelab yang didirikan di Bukit Tinggi.

"Kita bagi lesen untuk kelab tetapi saya fikir mungkin mereka menyalahgunakan lesen itu dan kita sudah arah diberhentikan," katanya.

Ketika ditanya mengenai 200 "slot machine" (mesin judi) di kelab itu, Dr Mahathir berkata ianya untuk kegunaan ahli kelab dan bukannya untuk orang ramai.

"Mereka perlu hentikannya. Saya telah memberitahu mereka supaya menghentikannya.

"Ia bukan kasino, ianya bukan seperti Genting Highlands, tetapi ada pihak yang cuba memburuk-burukkan kerajaan dan memanggilnya kasino. Kita tidak lagi keluarkan lesen kasino," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai hasrat kerajaan Australia meletakkan anggota tentera dan polisnya di negara-negara Asia Tenggara kerana bimbangkan serangan penganas, beliau berkata : "Mereka boleh pergi ke mana sahaja tetapi jangan datang ke Malaysia."

"Beritahu kepada mereka bahawa kita di sini tidak ingin mereka datang," kata Perdana Menteri.

Menurut satu laporan agensi berita semalam, Australia bercadang menempatkan lapan anggota tentera dan polis di negara-negara Asia Tenggara untuk mencegah serangan penganas.

-- BERNAMA

SR SSA KHY MAI